

**PERSEMBAHAN SENI MUZIK GHAZAL DI
KALANGAN MASYARAKAT JOHOR**

NUR AISYAH BINTI ZULKAFLI

C18A0244

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2022

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERSEMBAHAN SENI MUZIK GHAZAL DI KALANGAN
MASYARAKAT JOHOR**

Oleh :

NUR AISYAH BINTI ZULKAFLI

C18A0244

LAPORAN INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI KEHENDAK IJAZAH SARJANA
MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.

AKSES TERBUKA
atau

Saya bersetuju bahawa laporan saya
dibuat segera sedia Salinan keras

dalam talian akses terbuka (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah
Akta

Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang
telah

ditentukan oleh organisasi

dimana penyelidikan

dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Kelantan berhad seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:



Tandatangan

TARIKH: 21 FEB.2022

NAMA : NUR AISYAH BINTI ZULKAFLI



Tandatangan Penyelia
Raja Iskandar Bin Raja Halid

NAMA: 25.2.22

TARIKH:

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah s.w.t atas limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan, dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Tambahan lagi projek penyelidikan ini juga merupakan salah satu syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan sesi 2021.

Pada kesempatan ini, saya menghulurkan jutaan terima kasih kepada Dr. Raja Iskandar bin Raja Halid selaku penyelia projek penyelidikan saya yang telah banyak memberi dorongan kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Segala penat lelah dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau dalam menyelesaikan kajian ini amatlah saya hargai. Semoga Allah s.w.t melimpahkan keberkatan kepada beliau.

Seterusnya, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada bapa saya iaitu Zulkafli bin Abdul Ghani dan ibu saya Faridah Bt Paiman serta ahli keluarga yang turut membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dari segi sokongan moral dan sokongan secara fizikal. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan projek penyelidikan saya yang turut memberikan bantuan terutama ketika menjalankan kajian dan banyak memberi idea dan berkongsi maklumat berkenaan kajian ini serta memberikan komitmen yang memberangsangkan dalam menyiapkan projek kajian ini.

Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada informan yang memberikan maklumat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Semoga Allah s.w.t mermudahkan segala urusan kami dan memberikan kejayaan di dunia mahupun di akhirat. Akhir kata, saya juga ingin menghulurkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyelesaikan kajian ini. Semoga kita sentiasa di bawah lindungan Allah s.w.t.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK

1

ABSTRACT

2

| BAB 1: PENDAHULUAN | | |
|-------------------------------|--|----------------|
| SUBTAJUK | | HALAMAN |
| 1.0 | PENGENALAN | 3-4 |
| 1.1 | LATAR BELAKANG KAJIAN | 4-6 |
| 1.2 | PERMASALAHAN KAJIAN | 6-7 |
| 1.3 | PERSOALAN KAJIAN | 8 |
| 1.4 | OBJEKTIF KAJIAN | 8 |
| 1.5 | SKOP KAJIAN | 9 |
| 1.6 | KEPENTINGAN KAJIAN | 10 |
| 1.7 | PENUTUP | 11 |
| BAB 2 : SOROTAN KAJIAN | | |
| SUBTAJUK | | HALAMAN |
| 2.0 | PENGENALAN | 12 |
| 2.1 | SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1.1 | ASAL USUL GHAZAL | 12-14 |
| 2.1.2 | TOKOH AWAL GHAZAL DI JOHOR | 14-15 |
| 2.1.3 | SEMARAK GHAZAL OLEH MASYARAKAT DI JOHOR | 16-17 |
| 2.1.4 | ALAT MUZIK GHAZAL | 17-19 |
| 2.1.5 | KANDUNGAN LAGU DALAM GHAZAL JOHOR | 20-22 |
| 2.2 | PENUTUP | 22 |

| BAB 3: METODOLOGI KAJIAN | | |
|---------------------------------|---|----------------|
| SUBTAJUK | | HALAMAN |
| 3.0 | Pengenalan | 23 |
| 3.1 | Reka Bentuk | 23 |
| 3.2 | Kaedah Kajian | 24 |
| 3.2.1 | Pendekatan Kualitatif | 24 |
| 3.3 | Pengumpulan Data | 24-25 |
| 3.3.1 | Data Primer | 25-26 |
| 3.3.2 | Data Sekunder | 26-27 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 27 |
| 3.5 | Kaedah Analisis Data | 28-29 |
| 3.6 | Penutup | 29 |
| BAB 4 : DAPATAN KAJIAN | | |
| SUBTAJUK | | HALAMAN |
| 4.0 | Pengenalan | 30 |
| 4.1 | Data Kualitatif | 30 |
| 4.2 | Asal Usul Muzik Ghazal | 30-32 |
| 4.3 | Alat Muzik yang Digunakan dalam Persembahan Ghazal Johor dan Fungsinya | 33 |
| | 4.3.1 Gambus | 33-34 |
| | 4.3.2 Peti Harmonium | 34-35 |
| | 4.3.3 Tabla | 35-36 |
| | 4.3.4 Violin | 36-37 |
| | 4.3.5 Gitar | 37-38 |
| | 4.3.6 Marakas | 38-39 |
| 4.4 | Peranan Seni Muzik Ghazal ini dalam Kalangan Masyarakat Johor | 40-42 |

| BAB 5 :CADANGAN DAN KESIMPULAN | | |
|---------------------------------------|-------------------|----------------|
| SUBTAJUK | | HALAMAN |
| 5.0 | PENGENALAN | 43-45 |
| 5.1 | CADANGAN | 45-46 |
| 5.2 | KESIMPULAN | 46 |

RUJUKAN

47-48

PERSEMBAHAN SENI MUZIK GHAZAL DI KALANGAN MASYARAKAT JOHOR

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan satu kajian yang berkaitan tentang persembahan seni muzik Ghazal di kalangan masyarakat Johor. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pada masa kini seni muzik Ghazal ini makin hari makin dilupakan oleh masyarakat di negeri ini juga dek kerana peredaran zaman yang kini telah diperkenalkan dengan pelbagai teknologi yang canggih sehingga warisan dahulu ditinggalkan walaupun dalam negeri sendiri. Pengkaji membuat kajian ini dengan berdasarkan objektif- objektif kajian yang telah disenaraikan agar kajian ini dapat dilaksanakan dengan mempunyai data- data yang benar tentang seni muzik Ghazal ini. Oleh itu, Kaedah kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik dengan membuat temu bual secara dalam talian serta pemerhatian bersama orang yang mahir dalam seni muzik Ghazal ini yang berada di Batu Pahat, Johor. Kesimpulannya, penyelidik berharap agar penyelidikan yang dilaksanakan ini dapat diperkenalkan kepada generasi baru pada masa akan datang dengan secara menyeluruh terhadap kesenian Johor yang pernah dibangunkan dahulu.

PERFORMANCE OF GHAZAL MUSIC AMONG THE COMMUNITY OF JOHOR

ABSTRACT

This research is a related study on the performance of Ghazal music among the community of Johor. In this study, researchers found that nowadays the art of Ghazal music is increasingly forgotten by the people in the state also because the passage of time that has now been introduced with various advanced technologies so that the ancient heritage is left even in the state itself. The researcher made this study based on the objectives of the study that have been listed so that this study can be implemented by having the correct data about the art of Ghazal music. Therefore, the research method carried out by researchers by conducting online interviews and observations with people skilled in the art of Ghazal music who are in Batu Pahat, Johor. In conclusion, the researchers hope that this research can be introduced to the new generation in the future with a comprehensive approach to the art of Johor that has been developed before.

MALAYSIA

KELANTAN

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Muzik memainkan peranan penting dalam setiap kehidupan manusia. Manusia menggunakan muzik untuk menjadikan sebuah medan hiburan untuk meluahkan sesuatu, menasihati dan menyebarkan maklumat yang bermanfaat. Namun, secara keseluruhannya muzik ini berkembang mengikut perkembangan sesuatu kesenian. Muzik tradisional Malaysia iaitu daripada lagu Melayu asli hendaklah dikaitkan dengan dunia Melayu lama yang merangkumi negara Malaysia, Indonesia, sebahagian Negara Thai, Kampuchea dan Filipina. Berikutan dengan itu, konteks budaya di Malaysia ini telah banyak mempengaruhi kesan kebudayaan dan kesenian serantau. Selain itu pengaruh yang datang dari negara luar itu seperti Timur Tengah, India dan China turut mempengaruhi kesenian Melayu melalui interaksi sosio-budaya yang telah menghasilkan kepelbagaian genre muzik di rantau ini (Mohamed Ghouse Nasuruddin, 2003). Namun begitu, kebanyakan orang-orang Melayu ini mempunyai seni muzik yang tersendiri sejak dari zaman animisme lagi. Permulaan sejarah muzik orang melayu ini banyak dikaitkan dengan bermulanya dari tepukan tangan dan hentakan kaki sehinggalah terciptanya alat-alat muzik moden yang telah dibawa masuk dari negara luar. Kemudian, setelah kemasukan pengaruh Islam, India dan Barat dengan melalui satu proses penyerapan sehingga dapat menyebabkan berlakunya sesuatu perubahan seni muzik Melayu termasuklah dari rupa bentuknya. Namun, daripada proses penyerapan itu telah membawa kepada kelahiran pelbagai bentuk seni muzik Melayu seperti Mak Yong, Dondang Sayang, Wayang Kulit dan Ghazal sehingga membawa kepada muzik popular seperti yang terdapat pada hari ini iaitu muzik pop, muzik rock, jazz dan rap.

Oleh hal yang demikian, bagi masyarakat di negeri Johor mereka ini daripada zaman dahulu lagi mereka telah mengamalkan adat resam dan budaya Johor yang telah diwarisi oleh orang zaman terdahulu untuk dijadikan sebagai warisan di negeri itu. Namun, disebabkan penduduk di Johor terdiri daripada banyak suku kaum seperti Bugis, Jawa dan Melayu Riau maka, mereka juga telah diperkenalkan dengan pelbagai budaya dan muzik tradisional yang berasal daripada kaum itu. Sebagai contoh, Kesenian tradisional yang pernah diamalkan oleh masyarakat Jawa di negeri Johor walaupun muzik tradisional itu dikatakan berasal dari Indonesia iaitu muzik Kempelangan yang juga mempunyai kepentingan serta unsur yang penting sehingga menjadi muzik tradisional di Johor

Selain itu, bukan itu sahaja muzik tradisional yang popular di Johor malah banyak lagi muzik tradisional yang telah diperkenalkan dan memberi unsur yang penting terhadap kesenian di negeri Johor itu. Setiap kesenian yang diperkenalkan adalah berperanan untuk menjadikan satu warisan unggul dan ternama daripada orang zaman dahulu untuk diperkenalkan dan memperingati di masa akan datang oleh kebanyakan lapisan masyarakat bukan sahaja di Johor namun di serata tempat.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pada masa kini seni muzik Ghazal ini makin hari makin dilupakan oleh masyarakat di negeri ini juga dek kerana peredaran zaman yang kini telah diperkenalkan dengan pelbagai teknologi yang canggih sehingga warisan dahulu ditinggalkan walaupun dalam negeri sendiri. Pengkaji membuat kajian ini dengan berdasarkan objektif- objektif kajian yang telah disenaraikan agar kajian ini dapat dilaksanakan dengan mempunyai data- data yang benar tentang seni muzik Ghazal ini.

Oleh itu, secara umumnya di negeri Johor adalah sebuah negeri yang terkenal dengan pelbagai muzik etnik yang menarik di kalangan penduduknya seperti zapin, kuda kepang dan ghazal. Perkataan Ghazal ini dipercayai bahawa berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud kepada 'kasih' di mana masyarakat Arab pada zaman jahiliah dulu telah beranggapan ghazal ini sejenis puisi yang popular di kalangan mereka. Namun begitu, menurut kajian, Ghazal ini pula berasal dari Parsi serta berpendapat bahawa Ghazal ini sejenis nyanyian dalam kalangan pemuda yang sedang bercinta. Berdasarkan buku 'Rangkaian Rubait' yang ditulis oleh Prof Dr, Syed Naquib Al- Attas, Ghazal ini dikatakan sebagai seni yang mempunyai iramanya mirip 22 kepada irama di dalam Rubaiyat yang dinamakan sebagai 'hajat'. Kebiasaannya, seni muzik Ghazal ini mempunyai 20 atau 40 baris serta bentuk Ghazal ini hampir sama dengan Qasidah yang terdapat kandungan lagu tentang tasawuf dan nilai kasih-sayang.

Salah satu seni muzik yang terkenal di daerah Batu Pahat ialah Ghazal. Ghazal merupakan satu kesenian tradisonal dalam masyarakat Melayu khususnya penduduk di negeri Johor. Pada awalnya seni muzik ini adalah dikenali sebagai qamat iaitu sebuah nyanyian atau puisi yang tercipta di Tanah Arab. Pada akhir abad ke- 19 kerajaan negeri Johor yang telah menjalin hubungan rapat bersama kerajaan Riau Lingga. Para bangsawan Johor telah berulang alik ke Riau serta mereka dihiburkan dengan seni muzik ghazal ini. Secara tidak langsung terdapat antara mereka telah mempelajari dan memperkenalkan ghazal ini di istana sultan Johor .

Perkembangan muzik seni Ghazal di Johor sangat sinonim dengan dengan nama Allahyarham Mohd Salleh bin Perang di mana beliau ini dipercayai telah membuka daerah-daerah di negeri Johor tentang Ghazal ini. Daerah pertama yang telah beliau memperkenalkan Ghazal ini ialah daerah Batu Pahat. Ketika pembukaan daerah itu dibuat beliau mengambil kesempatan untuk memperkenalkan seni Ghazal ini di rumah- rumah penghulu dan juga pada

hari keramaian. Selain daripada Allahyarham Mohd Salleh ini ramai lagi pembesar- pembesar istana yang telah memperkenalkan seni Ghazal ini.

Oleh yang demikian, seni Ghazal ini turut dimeriahkan dengan seorang pendeta seni ghazal Johor iaitu dikenali dengan gelarannya Pak Lomak atau nama sebenarnya ialah Musa bin Yusof yang telah menceburkan diri beliau dalam bermain harmonium, tabta, dan menyanyi syair. Selain dari itu juga, beliau juga telah mempelajari lagu- lagu melayu bersama Encik Besar bin Md Salleh. Pak Lomak telah memasukkan lagu- lagu ini dengan pelbagai jenis gaya dan mendatangkan kesan yang baik terhadap penggemar seni ghazal ini. Oleh itu, beliau telah menyesuaikan diri dan mempelajari untuk bermain gitar dalam seni muzik Ghazal ini secara tidak langsung muzik Ghazal ini telah diminati oleh orang ramai.

Sementara itu, Ghazal Johor terus berkembang apabila telah wujudnya beberapa perubahan yang dilakukan seperti memperkenalkan pelbagai alat muzik tambahan mengikut peredaran masa. Menurut Pak Lomak itu muzik seni Ghazal ini merupakan suatu cara permainan dan bunyian dan nyanyian sebagai hiburan di dalam kesenian Melayu yang dianggap meniru cara orang Hindustan berhibur. Terdapat beberapa iringan alat muzik yang sering digunakan dalam seni muzik Ghazal ini seperti syringgi, sitar dan harmonian. Namun apabila mengikut peredaran waktu alat- alat muzik ini telah digantikan dengan hanya menggunakan sitar, gambus dan gitar untuk menyokong persembahan itu.

Realitinya, walaupun seni muzik Ghazal ini hanya akan dimainkan ketika terdapat majlis perkhawinan ataupun keramaian pada suatu ketika dahulu namun warisan kesenian tidak perlu hanya dilupakan begitu sahaja malah perlu di perkenalkan kepada generasi yang baru agar seni muzik ini tak lapuk dek zaman.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam meneliti arus kemodenan ini, seni muzik Ghazal kini semakin dilupakan dek kerana pada zaman kini banyak teknologi yang canggih telah diperkenalkan namun banyak genre lagu yang mengikut peredaran masa kini telah dihasilkan seperti genre rock, jazz dan k-pop. Masyarakat pada masa kini tidak mementingkan kesenian yang dulu diperkenalkan kerana kebanyakan antara mereka menganggap seni muzik yang dahulu tidak menarik dan mudah bosan apabila mendengarnya. Bukan itu sahaja, seni muzik Ghazal ini juga tidak diperluaskan kepada generasi yang baru dan menyebabkan kebanyakan di antara mereka masih belum mengetahui tentang seni muzik ini serta tidak dipersembahkan kepada mereka samada secara langsung ataupun tidak langsung.

Selain itu, mengikut kajian ini pengkaji juga tidak mengetahui jenis atau kandungan lagu yang begitu jelas mengikut persembahan mereka. Menurut daripada buku Rangkaian Rubait yang telah dijelaskan dalam latar belakang kajian bahawa kebanyakan kandungan Ghazal ini adalah berunsurkan nasihat serta puisi cinta namun jika diikutkan dengan ekor waktu pada masa kini banyak lagu yang berbentuk nasihat telah diperkenalkan tetapi Ghazal ini masih tidak diperdengarkan oleh generasi sekarang walaupun kandungan yang terdapat dalam lagu serta Ghazal itu juga hampir sama. Namun begitu, tidak dinafikan juga bahawa kebanyakan masyarakat kini masih samar terhadap asal usul seni muzik Ghazal ini kerana terdapat banyak pendapat yang berlainan berkaitan Ghazal di Johor ini.

Oleh itu, setiap orang perlulah bertanggungjawab untuk mempertahankan kesenian warisan Melayu walaupun berasal dari luar negeri Johor kerana warisan Melayu ini merupakan sebuah amanah yang perlu dijaga oleh semua masyarakat Melayu. Kesenian ini bukanlah satu perkara yang tidak bernilai malah kesenian yang telah diwaris sejak dahulu ini

merupakan sebuah kesenian yang tinggi nilainya dengan mempunyai banyak kelebihan yang boleh kita kekalkan untuk masa hadapan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji mempunyai 3 persoalan kajian terhadap seni muzik Ghazal ini. Persoalan kajian ini dilakukan bagi mengumpul data pengkaji terhadap Ghazal di Johor ini. Antara persoalan kajian ini ialah :


1. Apakah asal usul seni muzik Ghazal Johor.
2. Apakah peralatan muzik yang digunakan semasa persembahan ini dimainkan dan fungsinya.
3. Apakah peranan seni muzik ini Ghazal dalam kalangan masyarakat.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Susulan daripada persoalan kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji, pengkaji juga berpendapat tiga objektif dalam penyelidikan ini. Antara tiga objektif tersebut ialah :

1. Mengenalpasti asal usul seni muzik Ghazal Johor
2. Mengenalpasti setiap alat muzik yang digunakan dalam persembahan ini dan fungsinya.
3. Mengetahui peranan seni muzik Ghazal ini dalam kalangan masyarakat

1. 5 SKOP KAJIAN



Gambar 1 : Peta lokasi kajian

Sumber: kumpulan sri saujana ghazal

Gambar 1 menunjukkan lokasi kajian. Berdasarkan kajian ini, penyelidik mendapati bahawa penyelidikan akan dilakukan dengan membuat temubual bersama orang yang berkemahiran dan berpengalaman dalam seni muzik Ghazal di Johor ini terutamanya di Daerah Muar di Johor kerana penyelidik mendapati di daerah tersebut merupakan tempat yang paling awal diperkenalkan serta mempunyai kumpulan khas yang terkenal di Muar itu bagi seni muzik Ghazal ini. Kumpulan Ghazal Sri Saujana ini terletak di Jalan Tempua, Taman Tun Syed Nasir, Tanjung Agas, Muar Johor.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Umumnya, dalam penyelidikan ini pengkaji berhasrat untuk mengkaji asal usul seni muzik ini sendiri serta alat muzik yang mereka gunakan dalam persembahan ini. Seperti yang kita tahu, seni muzik Ghazal ini merupakan sebuah seni tradisional yang sangat sehati dengan negeri Johor. Pada peringkat awal, seni muzik Ghazal ini sangat popular dari golongan bangsawan Johor sehinggalah mereka mempersembahkan seni muzik ini di istana Sultan Johor dan mendapat perhatian daripada Sultan. Oleh itu, Ghazal telah diperkenalkan kepada masyarakat Johor sebagai muzik tradisional serta menjadi kebiasaan mereka untuk dipersembahkan di majlis keramaian.

Keunikkan yang ada pada seni muzik ini sangat menarik minat para pendengar untuk tahu dengan lebih dalam tentang ghazal ini. Ghazal ini dipercayai membawa satu genre muzik yang berlainan dengan seni muzik tradisional yang di negara ini. Nyanyian lagu yang disampaikan dalam bentuk syair itu juga telah membawa kandungan maksud lagu yang mendalam dan sesuai dipersembahkan oleh semua lapisan masyarakat kerana kandungannya lagu itu dianggap sebagai luahan atau nasihat yang perlu disampaikan dengan dimeriahkan lagi bersama alunan alat muzik yang merdu seperti gambus dan sebagainya. Justeru itu, dalam kajian ini masyarakat pada masa kini akan dapat mengenali lagi tentang seni muzik ghazal ini serta dapat diperluaskan ke negeri yang lain dan generasi yang baru dengan keunikkan yang ada pada seni muzik ghazal ini serta cara persembahan yang dipersembahkan seiring dengan alunan muzik yang terhasil daripada alat muzik Ghazal itu sendiri.

Akhir sekali, kepentingan kepada pelajar. Hasil kajian ini juga dilakukan adalah kerana untuk memberikan pendedahan kepada pelajar dan kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan masa hadapan kepada para pelajar.

1.7 PENUTUP

Secara keseluruhannya, bahagian ini telah merumuskan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji. Segala aturan ini amat penting bagi peringkat awal kajian untuk mengenalpasti dengan lebih terperinci tentang hala tuju dan isu-isu yang menjadi permasalahan dalam kajian ini. Elemen-elemen tersebut menjadi kayu ukur kearah kejayaan pengkaji dalam penghasilan penulisan kajian yang lebih sistematik, efisien dan mampu memberi manfaat terhadap diri serta masyarakat setempat.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Penghasilan sorotan kajian lepas ini adalah merupakan suatu pernyataan yang memaparkan keterangan fakta sesuatu kajian bagi menyokong objektif yang telah dikeluarkan oleh pengkaji- pengkaji untuk membuktikan kajian yang dikemukakan adalah penemuan yang baharu. Oleh itu, setiap kajian yang dilakukan oleh para intelektualisme mempunyai pendapat dan pandangan yang berbeza dalam mengutarakan idea mengenai sesebuah kajian mereka.

2.2 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.2.1 ASAL USUL SENI MUZIK GHAZAL

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Salinah Jaafar, Shafa'astussara, Rahmah Bujang dan Siti Rohaizah Che Mat di dalam kajiannya terhadap 'Lestari Muzik Johor Sepanjang Zaman' berpendapat bahawa Ghazal Johor ini telah berada di Johor pada awal abad kesembilan belas serta mempamerkan hasil pertembungan pengaruh Parsi dan Hindustan dalam bentuk irama, tema dan alat muzik yang digunakan dalam persembahan itu. Oleh itu, perkataan Ghazal pula dipercayai dipinjam daripada perkataan Arab yang membawa maksud kepada lagu atau puisi berkasih. Ghazal juga memberi definisi nyanyian dalam bentuk puisi yang menimbulkan suasana riang ria disamping memiliki ciri serta fungsi yang berkait rapat dengan bahasa Melayu.

Selain itu, Mohd Ishak pula ada menjelaskan bahawa Ghazal Johor terbentuk apabila didapati mempunyai kaitan dengan keluarga Diaraja Riau Lingga yang dijadikan sebagai satu dendangan istana dalam majlis keramaian Diraja. Maka, hubungan erat antara Riau Lingga dengan Johor itu telah menyebabkan pada ketika golongan- golongan bangsawan dan raja Johor ini sering berulang alik ke Riau Lingga untuk diperluaskan dan dipelajari ke istana Johor. Sejak daripada itu seni muzik Ghazal Johor ini terus berkembang di negeri Johor serta dijadikan satu muzik tradisional di negeri itu walaupun pada masa kini seni muzik tidak lagi diperluaskan kepada generasi yang baru. Seterusnya, apabila seni muzik itu telah berkembang di negeri Johor terdapat salah seorang pembesar yang sangat meminati akan seni muzik ini sehinggakan anak serta cucunya juga terlibat dalam Ghazal ini. Tokoh pembesar tersebut ialah datuk bentera luar iaitu Mohamed Salleh bin Perang yang mempunyai keluarga besar yang pandai memainkan alat muzik Ghazal seperti alat- alat harmonium dan tabla serta dapat menyanyikan lagu- lagu syair cinta Parsi dan Hindustan dengan fasih bersama cucunya iaitu Haji Musa bin Yusof. Menurut Rohaya Ahmad (2007) tokoh lain yang dikenali sebagai Pak Lomak juga dikatakan telah bertanggungjawab untuk memperluaskan seni muzik Ghazal sehingga dapat menarik minat penduduk di negeri itu. Berikutan itu, pada awal abad kedua puluh pula seni muzik Ghazal ini telah berkembang di serata negeri Johor serta telah mendapat tumpuan yang khusus kepada anggota tentera Johor yang dikenali ketika itu sebagai Johor Military Force.

Selain itu juga, tokoh Pak Lomak ini mempunyai bakat serta berkebolehan dalam penyusunan muzik dengan menggabungkan unsur- unsur Parsi Hindustan. Pada ketika itu, beliau telah memperkenalkan irama lagu yang bercorakkan pantun- pantun Melayu sebagai seni kata dalam lagu. Banyak lagu- lagu popular yang telah dihasilkan sendiri oleh Pak Lomak tanpa ada mengaitkan air tangan orang luar seperti lagu Seri Mersing, Pak Ngah Balik, Musalmah dan Makan Sirih. Namun, pada tanggal 27 Mac 1960 beliau telah disahkan

meninggal dunia ketika beliau memberi penerangan tentang Ghazal. Namun begitu, lagu- lagu yang telah dicipta olehnya itu masih lagi berkumandang seperti lagu Seri Mersing walaupun pada masa kini kebanyakan lagu yang diciptanya itu telah ditiru serta diubah genre serta alunannya oleh penggubah lain dengan mengubah sarikata lagu untuk dijadikan lagu yang mengikut arus zaman kini. Realitinya, nyanyian dalam Ghazal ini melibatkan penggunaan pantun Melayu sebagai seni kata dengan mengikut tema yang tertentu dalam persembahan tersebut. Malah setiap rangka pantun yang diciptakan itu pula hendaklah disesuaikan dengan irama lagu. Maka, dari situlah seni muzik Ghazal ini berkembang dan diperluaskan di kalangan masyarakat negeri Johor.

2.2.2 TOKOH AWAL GHAZAL DI JOHOR

Selain itu, merujuk kepada Zuraidah Abdulllah dan Qurratu Aini Adibah Ahmad Fazil (2010) dalam kajian yang telah mereka lakukan berkaitan tentang 'Jurnal Pembangunan Perpustakaan Digital Warisan Kesenian Muzik Ghazal' turut menyatakan dalam kajiannya bahawa perkataan Ghazal ini berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud kepada puisi kasih dan beranggapan untuk menjadi sebagai salah satu nyanyian puisi yang bertemakan cinta yang dipercayai dibawa masuk oleh Timur Tengah terutamanya di Parsi sebelum kedatangan islam lagi. Maka, seni muzik ini dipercayai berkembang dengan pesatnya di sekitar abad ke- 8 (Suzan Ahmad 2007). Oleh itu, pada ketika itu penyanyi dari Parsi dan Greek dibawa masuk ke kota suci Mekah dan Madinah untuk dijadikan sebagai hamba abdi bagi menghiburkan raja- raja Umayyah di situ. Manakala dari semenanjung Arab pula seni muzik Ghazal ini dibawa ke utara India dan mendapat sambutan di Moghul kemudian muzik ini terus dibawa masuk ke Asia Tenggara dan dijadikan sebagai satu seni muzik dalam istana. Ghazal paling terkenal di semenanjung Malaysia terutamanya di negeri Johor. seni muzik ini

telah dipindahkan untuk menjadi sebagai muzik rakyat serta menjadi lebih popular melalui penggunaanya dan dalam persembahan pembukaan bangsawan pada ketika itu.

Namun, di rantau Nusantara seni muzik telah berkembang pesat di istana Raja Riau Lingga serta hanya menjadi tumpuan persembahan utama dalam majlis keramaian di raja atau majlis yang berkait dengan negara. Oleh itu, hubungan yang erat antara kerajaan Johor dan Riau Lingga menjadikan golongan Raja dan bangsawan itu sanggup berulang alik ke Riau. Maka, dari situlah seni muzik ini dipelajari oleh golongan bangsawan dan sultan Johor hingga membawa pulang ke istana agar dapat diperluaskan kepada rakyat jelata secara pesat dengan keunikkan dan kemerduan yang ada pada irama lagu seni muzik Ghazal ini. Selain itu, menurut kajian ini juga Sultan Johor telah ememrintahkan Allayarham Datuk Bentara Luar, Mohd Salleh Bin Perang untuk membuka daerah- daerah di Johor seperti Endau, Muar, Batu Pahat dan daerah lain bagi memperkenalkan seni muzik Ghazal. Seni muzik ini telah dimainkan di rumah penghulu atau di majlis- majlis keramaian. (Suzan Ahmad 2007). Namun begitu, pada tahun 1900 terdapat seorang pelajar dari Hindustan telah datang ke Johor untuk memberi tunjuk ajar yang mendalam tentang seni muzik Ghazal (Suzan 2007). Hari demi hari, apabila seni muzik ini telah berkembang dengan jayanya maka muncul seorang tokoh yang dikenali sebagai Pak Lomak yang merupakan cucu kepada Datuk Bentara Luar telah mempelajari ilmu dalam bermain alat muzik Ghazal iaitu harmonium dan tabla yang sering dimainkan apabila muzik Ghazal ini dipersembahkan.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

2.2.3 SEMARAK SENI MUZIK GHAZAL OLEH MASYARAKAT DI JOHOR

Justeru itu, berdasarkan sumber artikel dari Dewan Bahasa Dan Pustaka yang telah dikemaskinikan oleh Mariam Rasid(n.d) berkaitan dengan ‘Menyemarakkan Seni Ghazal Dalam Masyarakat Muda’ berpendapat bahawa Ghazal ini didefinisikan sebagai berbalas-balas nyanyian di dalam syair. Pada asalnya, perkataan Ghazal ini adalah berasal daripada bahasa Arab yang membawa bermaksud lagu puisi kasih yang biasa ditujukan kepada pasangan kekasih. Namun, kesenian Ghazal ini pernah menjadi kesukaan masyarakat pada suatu ketika dahulu kerana muzik Ghazal sering didapati di majlis- majlis keramaian yang melibatkan kebanyakan masyarakat dapat mengikuti majlis itu terutamanya di negeri Johor namun kini seni muzik semakin dilupakan oleh masyarakat. Dalam meneledani arus kemodenan kini, kebanyakan masyarakat lebih gemar mendengar muzik- muzik Barat yang berunsurkan irama balada, hip-hop dan rock. Irama muzik ini boleh dikatakan sebagai memenuhi selera masyarakat kerana mempunyai rentak dan lirik lagunya yang moden serta rancak sehingga dapat meruntun perasaan dan jiwa generasi pada masa kini.

Walau bagaimanapun, seni muzik Ghazal ini juga mempunyai peranan yang tersendiri di mana Ghazal juga mempunyai rentak lagu yang dapat menghiburkan para pendengar. Sebagai contoh kebiasaan orang melayu yang mengadakan majlis kenduri akan menyediakan hiburan dengan menjemput kumpulan Ghazal untuk membuat persembahan agar tetamu yang hadir tidak berasa bosan. Sebaliknya pada masa kini kebanyakan masyarakat tidak lagi gemar untuk berhibur dengan seni muzik ini malah mereka lebih minat dengan lagu- lagu moden sebagai hiburan pada waktu kini tetapi secara hakikatnya Ghazal juga merupakan seni muzik yang berunsurkan percintaan yang diluahkan oleh seseorang melalui rentak lagu Ghazal. Selain itu, lirik lagu Ghazal juga mempunyai peranan yang penting bagi menjiwai muzik irama serta setiap bait lirik yang dipersembahkan. Lagu ‘Seri Mersing’ yang sering

didengarkan oleh kumpulan Ghazal mempunyai sentuhan dan bait- bait pantun yang luar biasa apabila dipersembahkan.

Namun begitu, peranan ghazal dalam generasi muda hari ini tidaklah sekuat dahulu kerana pada masa kini dunia telah dihidangkan dengan saluran hiburan yang hanya tertumpu kearah komedanan melalui stesen radio dan televisyen. Selain itu, masyarakat sekarang terdapat sebuah adat dimana mereka menawarkan sewaan bagi mengadakan persembahan ghazal, tidak seperti dahulu dimana kumpulan ghazal mempersembahkan itu hanyalah dibuat secara sukarela mengikut keikhlasan hati. Faktor lain yang menyebabkan generasi muda sekarang tidak meminati muzik ghazal adalah kerana kegiatan seni budaya tradisional semakin lemah kerana banyak terdedah kepada perkembangan budaya asing. Selain itu, kurangnya didikan awal tentang seni muzik tradisional yang telah diwarisi sejak zaman nenek moyang lagi dan menyebabkan anak muda kini tidak mempunyai bakat yang berpotensi tinggi oleh anak bangsa itu tidak dapat diasah dan tidak berpeluang menunjukkan kebolehan yang mereka pendam itu.

Oleh itu, terdapat beberapa langkah yang perlu dititik beratkan oleh semua lapisan masyarakat dengan mengadakan pertandingan atau matapelajaran khusus tentang warisan di sekolah- sekolah mahupun universiti bagi menarik minat dikalangan remaja terhadap seni muzik ini. Selain itu juga, pihak kerajaan seharusnya menubuhkan lebih banyak pusat latihan seni ghazal seperti yang dilakukan oleh Yayasan Warisan Johor. Hal ini penting kerana generasi muda kini mudah leka dan terpengaruh dengan rakan sebaya sehingga melupakan kesenian yang tercipta sejak dahulu lagi.

2.2.4 ALAT MUZIK GHAZAL

Menurut Asri (2015) dalam jurnal melayu yang berjudul ‘Musik Melayu Ghazal Riau Dalam Kajian Estetika’ ada mengaitkan tentang asal usul Ghazal ini. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa Ghazal ini merupakan sebuah muzik Melayu yang mempunyai gaya Hindustan atau lebih dikenali sebagai muzik ‘qamat’ seiring dengan alat muzik yang digunakan dalam persembahan itu seperti Syarenggi, Harmonium dan Tabla. Secara umumnya, seni muzik ini mempunyai hubung kait dengan unsure keagamaan yang memuji kebesaran Nabi Muhammad dan lain- lain sehingga membuatkan orang melayu dapat menerima seni muzik ini secara terbuka. Sejalan dengan perkembangan muzik kini, kebanyakan muzik- muzik moden yang popular menjadi tumpuan oleh generasi sekarang namun terdapat alat muzik Hindustan yang digunakan dalam persembahan Ghazal sejak awal dahulu yang masih bertahan sehingga ke hari ini ialah Harmonium dan Tabla manakala alat muzik Syarenggi yang digunakan dahulu itu telah digantikan dengan biola serta alat muzik sitar pula digantikan dengan gambus. (Juni 2015). Berdasarkan kitaran zaman ini dalam persembahan ini juga telah digunakan alat muzik gitar sebagai sampingan muzik. (Kadir 1988). Menurut Ismail Hamid dalam ‘Masyarakat dan Budaya Melayu’ Ismail Hamid dalam “Masyarakat dan Budaya Melayu” menjelaskan Ghazal adalah sejenis puisi Arab yang bercorak percintaan. Oleh kerana terdapat pengaruh dari Parsi dan Romawi, Ghazal ini telah berkembang untuk menjadi sebuah seni muzik yang berunsurkan nyanyian yang popular pada zaman Umayyah melalui pengenalan dari seorang tokoh ghazal iaitu Umar bin Ruba’ah. Setelah itu, seni muzik ini terus berkembang lagi ke serata Parsi dan India sehinggakan masyarakat India membawa masuk ghazal ke alam Melayu untuk dikembang dan menjadi satu penerimaan khas sebagai rentak lagu asli dalam masyarakat Melayu. (Hamid, 1991:164). Menurut Mohd. Ishak Abdul Aziz dalam penulisannya yang diterbitkan khas oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia pada tahun 1978 mengatakan terdapat seorang tokoh yang digelar sebagai Bapa Ghazal

Melayu Johor yang telah mengembangkan ilmu muzik Ghazal Johor semata-mata yang dikenali sebagai Pak Lomak. Pak Lomak merupakan satu-satunya waris yang melanjutkan kesinambungan perkembangan seni muzik ini di negeri Johor daripada datuknya. Dalam hubungan ini, Dato' Abdullah Mohamed dalam tulisannya *The Ghazal in Arabic Literature and in Malay Music (Malaysia in History, Jilid 14, Oktober 1971,*

Menurut itu, dalam hal ini terlihat dengan jelas bahawa Pak Lomak amat meminati seni muzik Ghazal ini sehingga beliau sanggup pergi merata tempat demi mengetahui dan mempelajari dengan lebih mendalam tentang Ghazal ini. Oleh itu, beliau pernah merantau ke India semata-mata seni muzik ini lalu kembali ke negeri Johor dengan membawa pelbagai alat muzik yang biasa digunakan sewaktu persembahan Ghazal itu seperti Tabla dan Harmonium. Pak Lomak bukan sahaja membawa masuk alat muzik itu namun beliau juga telah mempelajari cara bermain alat muzik sambil menyanyi Ghazal itu dengan berirama Hindustan, Cina, Parsi, Jepun dan sebagainya. Segala usaha pembelajarannya itu dilakukan dengan bersungguh-sungguh sehingga dapat diiktirafkan sebagai salah satu tokoh yang memperkenalkan ghazal di tanah Melayu.

Selain itu, Pak Lomak juga dipertanggungjawabkan untuk mengembangkan seni muzik ini melalui penubuhan kumpulan-kumpulan yang terdapat di serata daerah negeri Johor kerana beliau telah dianggap tokoh ghazal serta mempunyai usaha, kemahiran serta pengalaman yang mendalam untuk diperkenalkan. Dalam hubungan ini, usaha menyebarkan muzik Ghazal secara meluas ke daerah-daerah ini amat berkesan sehingga boleh dikatakan di setiap daerah telah menubuhkan kumpulan Ghazal yang gelah dipimpin oleh Pak Lomak. Usaha Pak Lomak ini dipercayai bermula apabila setiap penubuhan kumpulan ghazal di Johor Bahru telah diketuai oleh beliau pada tahun 1906. Melalui kegigihannya itu beliau telah membuat banyak pembaharuan di dalam kumpulan ghazal itu termasuklah mendendangkan lagu-lagu berirama Parsi dan Hindustan bersama-sama dengan lagu-lagu Ghazal Melayu serta

penggunaan Tabla sebagai alat tambahan yang digunakan dalam persembahan kumpulannya. Usaha Pak Lomak dalam menubuhkan kumpulan- kumpulan Ghazal ini telah menyebabkan seni musik Ghazal tersebar luas dan mendapat sambutan yang meriah serta menarik minat mereka untuk mengetahui bukan sahaja cara penyampaianya malah sejarah ghazal daripada masyarakat tempatan. Oleh itu, seni muzik ghazal ini telah diperluaskan ke serata daerah melalui tokoh yang sangat sinonim dengan Ghazal ini iaitu Pak Lomak yang juga mempunyai pengalaman yang banyak dalam seni muzik Ghazal.

2.2.5 KANDUNGAN LAGU DALAM GHAZAL JOHOR

Seterusnya, menurut penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh Noriah Mohamed, Muhammad Haji Salleh, Mahani Musa, Mokhtar, Ahmad Jelani, Mohd Isa dan Sohaimi (2006) yang bertajuk 'Ghazal Sebagai Parti Seni Muzik Melayu Tradisional Melayu Pulau Pinang' ada menyatakan bahawa Ghazal merupakan satu istilah Arab yang telah diterjemahkan dalam penggunaan bahasa Parsi, Urdu, Turki Dan Melayu dengan membawa maksud- maksud yang berbeza. Namun, menurut dari sejarahnya perkataan ghazal ini dipercayai berasal daripada perkataan Arab iaitu gazl yang bermaksud memintal tetapi erti kata lain ghazal ini membawa maksud mengeratkan dimana para lelaki ingin mengeratkan sesuatu hubungan bersama seorang wanita dengan mendendangkan dengan satu nyanyian. Menurut Muhammad Bukhari Lubis (1996) ghazal dari segi bahasa membawa maksud mainan cinta, ungkapan cinta atau ucapan cinta yang diluahkan kepada wanita. Oleh itu, menurut mereka dalam penyelidikan ini juga telah menyatakan lagu ghazal Melayu ini diperlihatkan pengaruh Hindustan dan parsi manakala lirik dan alunannya memperlihatkan kepada pengaruh lagu Hindustan dan Parsi.

Terdapat pelbagai pendapat yang menjelaskan zaman kemunculan muzik ghazal di Semenanjung Tanah Melayu, khususnya di Johor. Mengikut Rahmah Bujang (1975: 18), Ghazal mungkin mula berkembang apabila munculnya pengaruh persembahan dari para

bangsawan yang dikenali sebagai wayang Parsi atau wayang Mandu yang sampai ke Semenanjung di sekitar tahun 1886. Ketika itu lagu-lagu Ghazal menjadi "extra-turn" dalam persembahan bangsawan ini dan persembahan ini mewujudkan rasa minat untuk memperluaskan lagi muzik ghazal. Hal ini dapat ditafsirkan apabila Mohd Salleh bin Perang atau Datuk Bentara Luar telah mendirikan wayang bangsawan Johor Bahru. Dengan tindakan ini, pasti dapat mempopularkan lagi seni muzik ini di Johor. Tambahan lagi, pada ketika itu Mohd Salleh dikatakan seorang yang gemar kepada pelbagai jenis muzik termasuk muzik Cina (Abdullah Mohamed, 1972:71). Apabila beliau mendapat titah daripada Sultan Johor untuk membuka daerah-daerah di Johor maka kesempatan ini digunakan untuk meluaskan sayap Ghazal di Johor. Secara tidak langsung setelah penglibatan orang kenamaan di Johor itu dalam Ghazal ini telah menimbulkan faktor lain bagi perkembangan seni muzik di negeri itu. Namun, pada kurun ke 18 hingga ke 19 di istana Riau hingga seni muzik ini telah menjadi satu aktiviti yang lazim untuk dipersembahkan di majlis keramaian raja- raja lalu para pembesar sering berulang alik dari Riau Lingga ke Johor untuk mempelajari dan memperluaskan seni muzik ini. Perkembangan Ghazal di istana telah mempengaruhi perkembangan Ghazal dalam kalangan rakyat biasa dan perkembangan ini dikongkritkan oleh Mohd Salleh bin Perang. Pada hari ini, ghazal Melayu Johor terus dipelihara dan dikembangkan di Johor.

Lagu Ghazal Melayu Johor yang sering dimainkan itu telah mempengaruhi daripada pengaruh lagu Hindustan dan Parsi. Namun lirik dan alunan lagu itu telah menunjukkan kepada pengaruh lagu Hindustan dan Parsi. Tema yang menjadi pilihan menerusi lirik lagu ghazal ini adalah berunsurkan seperti memuji keindahan alam, percintaan, nasihat dan kesedihan. (Mohd Ishak Abdul Aziz, 1978: 10). Pencipta lirik lagu ini dipercayai tidak mahir dalam membaca notasi muzik namun lagu yang dihasilkan itu juga tidak mempunyai notasi muzik dalam semua lagu yang diciptanya itu. Namun, berikutan itu juga terdapat beberapa alat muzik yang digunakan dalam seni muzik ini pada peringkat awal iaitu harmonium, tabla,

sitar dan syaringgi. Peralatan ini ialah warisan daripada tradisi Hindustan. Kemudian syaringgi digantikan dengan biola dan sitar digantikan dengan gambus. Harmonium dan table masih dikekalkan hingga ke hari ini. Tegasnya, harmonium, tabla, biola, dan gambus menjadi peralatan muzik yang wajib dalam persembahan ghazal Melayu Johor (Mohd lshak Abdul Aziz, 1978: 8). Ghazal Melayu Johor dipersembahkan dimajlis kenduri kahwin dan majlis rasmi yang lain. Walaubagaimanapun, menurut Kmaruzzaman Mohamed Karim (2016) berdasarkan jurnal melayunya yang bertajuk Inspirasi penciptaan komposisi muzik GhaMuhyi iaitu sebuah karya muzik baharu bersumber dari muzik tradisional ghazal Melayu Johor bahawa kekuatan muzik Ghazal ini adalah dalam menyampaikan pesan bersifat numerik jarang sekali menggunakan Al-Qur'an sebagai sumber muzikal dalam teknik komposisinya. Namun begitu, mengikut peredaran masa alat muzik gitar juga menjadi tumpuan kini untuk mempersembahkan Seni Ghazal ini untuk mendapat irama serta alunan muzik yang lebih menarik dan mengikut rasa generasi pada masa kini.

2.3 PENUTUP

Secara keseluruhannya, dalam bab ini penyelidik telah mengetahui objektif- objektif yang dinyatakan terhadap kajian lepas yang telah diolah seperti asal- usul dalam seni muzik Ghazal di Johor. kajian lepas ini dibuat adalah untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan dalam menyempurnakan dan mengumpul data terhadap kajian yang dibuat oleh penyelidik. Di samping itu, penyelidik juga dapat membezakan serta melihat setiap pendapat yang telah dinyatakan berdasarkan kajian lepas ini namun secara tidak langsung penyelidik dapat menyimpulkan untuk menjadi satu informasi yang tepat.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah satu langkah atau teknik membentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang kukuh yang boleh menjadi kayu ukur dalam sesuatu serta bagi mengumpul dan menganalisis data melalui kaedah-kaedah tertentu. Pengkaji juga akan menggunakan sumber primer dan sekunder dalam mendapatkan data serta maklumat berkaitan dengan seni muzik Ghazal. Pengumpulan maklumat awal melalui internet dan sumber ilmiah dilakukan pada awal peringkat kajian berfungsi sebagai sumber yang utama dalam menjawab segala objektif dan persoalan kajian ini. Kebijaksanaan pengkaji dalam pengumpulan maklumat ini amat dititikberatkan supaya hasil yang diperolehi di penghujung kajian mencapai objektif yang ditetapkan. Metodologi kajian yang terdapat dalam bab ini merujuk kepada tatacara penyelidik melaksana kajian bagi mencapai setiap objektif.

3.2 REKA BENTUK

Reka bentuk kajian adalah merupakan satu kaedah yang akan digunakan untuk menentukan kaedah yang bersesuaian dalam proses pelaksanaan kajian. Reka bentuk kajian ini adalah melibatkan kaedah kualitatif. Pendekatan ini digunakan bertujuan untuk menjawab persoalan dan objektif kajian dijalankan. Berikut merupakan pendekatan kaedah kajian yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan satu langkah yang perlu diambil oleh penyelidik untuk mencapai sesuatu objektif dalam kajian tersebut. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah seperti temu bual, sumber internet dan sumber ilmiah. Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah berkaitan asal usul seni muzik Ghazal, alat muzik yang digunakan dan peranan masyarakat bagi menyemarakkan lagi seni muzik ini. Penyelidik telah menggunakan beberapa kaedah bagi memenuhi kajian ini iaitu :

3.3.1 PENDEKATAN KUALITATIF

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua kaedah pendekatan kualitatif dan bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan bertepatan mengenai seni muzik Ghazal Johor ini. Pendekatan kualitatif ini didefinisikan sebagai satu penyelidikan yang melibatkan banyak kaedah secara berfokus termasuk pendekatan yang semulajadi untuk mencapai satu objektif seperti pendekatan sekunder dan primer. (Denzin dan Lincoln 1994) Penyelidikan kualitatif ini adalah proses pengumpulan data yang lazim digunakan apabila penyelidik menemu bual responden bagi menyelesaikan masalah objektif yang tersenarai. (Creswell 1994)

3.4 PENGUMPULAN DATA

Teknik pengumpulan data merupakan proses yang penting dalam mendapatkan data pada setiap kajian yang dilakukan. Menurut Sugiyono (2017) seseorang pengkaji hendaklah mengetahui kaedah yang digunakan dalam kajian agar pengumpulan data yang dikumpulkan itu dapat memenuhi objektif kajian itu. Oleh itu, pengumpulan data adalah salah satu cara yang terpenting dalam menjalankan penyelidikan untuk menambahkan lagi maklumat yang diperolehi selain daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif.

3.4.1 DATA PRIMER

Bagi melengkapkan kajian mengenai seni muzik Ghazal ini di Batu Pahat. Penyelidik telah memilih untuk mengumpul data berkaitan kajian ini melalui kaedah pengumpulan data primer.

Oleh kerana penularan wabak Covid-19 yang sedang melanda negara ini dan kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan bermula pada 18 Mac 2020 (Bernama, 2020), maka kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah temu bual dalam talian. Oleh itu, kaedah ini adalah merupakan kaedah yang terbaik untuk menyelesaikan kajian ini. Sesi temubual ini juga akan direkod dengan menggunakan perakam suara atau rakaman video persidangan, google meet atau aplikasi zoom dan sebagainya supaya tidak ada maklumat yang tercicir. Proses ini akan dijalankan secara berterusan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Oleh itu, penyelidik telah membuat kajian tersebut dengan menggunakan kaedah temu bual mengenai kajian ini.

i. TEMU BUAL

Penggunaan kaedah temu bual ini bertujuan untuk mengumpul maklumat tinjauan. Penyelidik melaksanakannya dengan melakukan kaedah temu bual secara lisan dan bertulis melalui rakaman elektronik. Temu bual yang akan dilakukan oleh pengkaji terhadap responden ini sama ada secara atas talian atas dasar pandemik ini. Bagi sesi temu bual ini, pengkaji menggunakan kaedah semi berstruktur. Kaedah temu bual semi berstruktur ini dilaksanakan dengan menyediakan tema soalan sahaja, soalan susulan adalah berdasarkan kepada maklumbalas responden (K. P. Malaysia, 2012). Semasa sesi temu bual berlangsung, pengkaji menggunakan gajet bagi merakam perbualan dan dijadikan bahan bukti semasa pembentangan kajian. Hal ini akan memudahkan lagi proses pengumpulan maklumat atau data oleh penyelidik.

3.3.3 DATA SEKUNDER

Di samping itu, bagi melengkapkan kajian ini, penyelidik telah mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan seni muzik Ghazal ini melalui kaedah sekunder. Kaedah sekunder merupakan data yang diperoleh dan dikumpulkan oleh penyelidik dari sumber- sumber yang telah tersedia. Data ini digunakan untuk mendukung informasi primer yang telah perolehi dari bahan pustaka, penelitian terdahulu, jurnal, bukau dan sebagainya.(Hasan 2002)

i. SUMBER INTERNET

Sumber internet merupakan salah satu sumber yang mudah diperolehi dan sering digunakan untuk melakukan sebarang kajian oleh penyelidik. Pengkaji telah menggunakan sumber internet untuk mencari pelbagai maklumat yang agak sukar untuk diperolehi melalui sumber-sumber yang lain di dalam kajian ini. Maklumat serta data berkaitan dengan seni muzik Ghazal dan sebagainya mampu diperolehi di laman-laman web dan blog di carian Google. Antara laman-laman web yang mudah diakses untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian adalah seperti Google Scholar, Academia, „research gate“ dan sebagainya. Kebanyakan dari maklumat yang diperolehi melalui carian Google tersebut mempunyai rujukan dan maklumat yang sahih dari para penulisnya.

ii. JURNAL

Sebahagian maklumat daripada jurnal telah berjaya dijumpai oleh penyelidik untuk dijadikan sebagai salah satu rujukan berguna untuk menyiapkan kajian ini. Sumber rujukan ini akan bermanfaat untuk dijadikan bahan rujukan kerana kebanyakan isi kandungannya yang mampu menambah buah fikiran serta menjadi penanda aras kepada matlamat yang ingin disampaikan di dalam kajian yang ingin dilakukan.

iii. TESIS

Pengkaji juga turut menggunakan tesis berkaitan seni muzik Ghazal serta melibatkan pengetahuan umum yang sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan di dalam kajian ini. Terdapat juga tesis-tesis dari universiti terkemuka di Malaysia yang menjadi pilihan pengkaji sebagai rujukan untuk mencapai kajian yang dikaji.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan beberapa instrumen bagi proses penyelidikan. Dalam penyelidikan ini, beberapa peralatan yang sesuai telah digunakan bagi memenuhi kajian penyelidikan ini dan menjadi lebih sistematik. Dalam kajian ini terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan seperti kaedah temu bual, pemerhatian dan sebagainya. Namun, selain usaha mengumpulkan data ini penyelidik juga menggunakan beberapa instrumen lain bagi menyokong pengumpulan data kajian melalui rakaman video dan audio dengan menggunakan alat mudah alih seperti telefon bimbit bagi melengkapkan objektif kajian tersebut.

3.6 TEKNIK ANALISIS DATA

Menyemak kesahihan bukti yang menyokong dapatan serta mempertimbangkan pandangan alternatif iaitu pemahaman yang diperolehi daripada kajian. Teknik analisis data adalah proses mencari dan menyusun secara sistematik data yang diperolehi dari hasil temubual, catatan dan dokumentasi dengan mengorganisasikan data kedalam kategori serta menyusun dan membuat kesimpulan sehingga mudah difahami oleh penyelidik mahupun orang lain. (Sugiyono 2016)

Definisi tersebut dapat disimpulkan melalui langkah pertama dalam menganalisis data dengan mengumpulkan data kemudian menyusun secara sistematik dan menarik kesimpulan dari hasil analisis namun diulaskan dari hasil penelitian. Terdapat tiga teknik menganalisis data yang digunakan dalam penelitian kualitatif iaitu (Sugiyono 2018)

i. Penyaringan data

Dalam teknik penyaringan data, penyelidik akan membuat tapisan soalan tersebut dengan memilih data yang kurang relevan semasa temubual dijalankan. Aktiviti pengasingan data ini dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang lebih fokus tentang data kajian yang dilakukan.

ii. Persembahan data

Penyelidik akan menggunakan cara yang teratur bagi memastikan data yang dipaparkan itu mudah difahami serta mempersembahkan data dalam bentuk huraian dan perkataan yang jelas.

iii. Kesimpulan

Penyelidik akan membuat kesimpulan berdasarkan bukti yang diperolehi dari data-data kajian yang dilakukan.

Setiap maklumat tersebut akan mempengaruhi keputusan akhir kajian samada ianya mampu mencapai objektif yang digariskan mahupun tidak. Keputusan di akhir kajian yang terbaik dan mencapai sasaran merupakan impian bagi setiap penyelidik kerana ianya menunjukkan bahawa tenaga yang dikeluarkan oleh mereka adalah tidak sia-sia dan wujudnya perasaan puas terhadap hasil penulisan sendiri. Analisis data adalah rangka penghasilan kajian yang diperlukan supaya setiap langkah dilakukan dengan teratur dan tertib mengikut teknik yang betul untuk mengelakkan terjadinya kesilapan-kesilapan yang berpotensi menjadi gangguan di sepanjang proses kajian dilakukan.

3.4 PENUTUP

Tuntasnya, bahagian ini menerangkan mengenai metodologi kajian yang menjadi satu keutamaan dalam setiap kajian yang ingin dilakukan. Pemilihan dan pengurusan metodologi yang sempurna dan bersesuaian dengan kajian mampu membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil yang terbaik setaraf dengan usaha yang dilakukan sepanjang proses tersebut dilancarkan. Namun, teknik pengumpulan kajian serta cara untuk menganalisis data perlu dititikberatkan untuk memastikan pencarian maklumat yang berkaitan serta pembahagian data dapat dilakukan secara teliti dan terperinci dalam memenuhi dapatan kajian yang terbaik. Justeru itu, melalui kaedah ini dapat membantu penyelidik untuk lebih memahami tujuan kajian yang dikaji.



DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bahagian ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji sewaktu menjalankan proses pengumpulan data daripada orang sumber yang berkaitan dengan objektif kajian ini. Segala maklumat yang dikumpulkan itu adalah secara langsung melalui temu bual secara dalam talian yang dijalankan oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui dan dapat mencapai setiap objektif yang berkaitan seni muzik Ghazal ini. Oleh itu, setiap maklumat yang dikumpul oleh pengkaji adalah tepat untuk dijadikan satu rujukan.

4.2 Data Kualitatif

Pengkaji membuat analisis data melalui kaedah kualitatif dimana pengkaji membuat temu bual secara dalam talian bersama orang sumber yang berpengalaman dalam seni muzik Ghazal ini. Pengkaji juga dapat mencapai objektif kajian ini melalui temu bual itu.

4.2. Asal- usul seni muzik Ghazal

Seni muzik ghazal ini merupakan satu kesenian warisan Johor yang telah diiktirafkan oleh Yayasan Kesenian Johor namun pada itu seni muzik ini juga mempunyai asal usul ketika masuk ke Johor. Menurut Mohamad Aliff Omar, 2010, Kajian Terhadap Unsur-unsur Kasih Sayang dan Perlambangan Dalam lirik Lagu ada menyatakan tentang etimologi asal- usul perkataan ghazal dipercayai berasal dari bahasa Arab yang membawa maksud puisi kasih. Puisi ini dianggap sebagai salah satu jenis puisi yang paling terkenal dalam kalangan umat Arab semenjak zaman jahiliah lagi. Namun, contoh ghazal yang terawal tidak lagi diperkenalkan sehingga ke hari ini. Oleh itu, berdasarkan kajian kesenian ini Ghazal yang dipercayai ini berasal dari Parsi adalah merupakan sebuah bentuk nyanyian di kalangan orang

muda yang sedang berada dalam alam percintaan. Biasanya ikatan senikata ghazal terdiri daripada tiga atau empat baris . jumlah perkataan didalam setiap baris itu biasanya antara lapan hingga sepuluh dan terdiri daripada 20 hingga 22 suku kata. Terdapat persajakan bunyi bagi setiap kata penghujung dalam tiap-tiap baris. Prof. Dr. Naquib Al- Attas dalam bukunya Rangkaian Rubaiyat menyatakan bahawa ghazal mengandungi irama yang serupa dengan irama yang terdapat dalam Rubaiyat itu yang dinamakan hajaz. Berdasarkan informan yang telah pengkaji hubungi iaitu Dr Mohd Nizam Attan (temubual 2022) menyatakan bahawa Ghazal ini disebut sebagai Gamat yang membawa maksud sebagai satu nyanyian riuh rendah yang berasal di Tanah Arab. Namun, pada akhir abad ke- 19 kerajaan Johor telah menjalinkan hubungan bersama kerajaan Riau Lingga iaitu dari golongan bangsawan Johor sering berulang-alik ke Riau dan mereka dihiburkan dengan permainan ghazal. Bermulanya dari Istana Teluk Belanga, kesenian muzik ghazal ini telah mendapat perhatian daripada sultan, pembesar-pembesar negeri dan golongan istana. Apabila pentadbiran Johor berpindah dari Teluk Belanga ke Tanjung Puteri, kesenian ini turut diperkembangkan dengan lebih pesat lagi kepada rakyat jelata di tanah besar Johor. Seajar dengan itu, permainan ghazal ini dipercayai suatu permainan yang berunsurkan bunyian dan nyanyian sebagai satu hiburan yang ditiru daripada cara orang Hindustan.

Selain itu, menurut informan Haji Abu Bakar Bin Hj Ali atau lebih dikenali dengan gelaran nama Pak Bakar (temubual 2022) iaitu pengasas kepada kumpulan Ghazal Sri Saujana di Tanjung Agas, Ledang, Johor menyatakan bahawa ghazal Johor ini telah diperkenalkan oleh seorang anggota askar pasukan Timbalan Setia Johor dari India. Anggota tersebut dikenali sebagai Haji Musa atau lebih mesra dengan panggilan Pak Lomak merupakan individu pertama yang bertanggungjawab dalam memperkenalkan seni muzik ini kepada masyarakat Melayu. Beliau dilahirkan di Batu Pahat, Johor dalam sekitar tahun 1889. Pada awalnya, beliau ini terkenal dengan kebolehannya dalam bermain alat muzik harmonium serta

berkebolehan dalam menyanyi lagu- lagu ghazal dalam bahasa Urdu. Melalui bakat yang ditonjolkan itu, Pak Lomak mula membuat dan menterjemahkan lagu- lagu yang berbahasa Urdu ke bahasa Melayu. Oleh itu, beliau juga berkemahiran dalam menghasilkan lagu- lagu ghazal yang terkenal seperti lagu Sri Mersing dan Gunung Banang. Maka, terciptalah perkembangan Ghazal Melayu di Johor sehingga beliau dapat menubuhkan satu kumpulan ghazal terawal yang pada dahulunya dinamakan sebagai kumpulan Sri Pelangi Ghazal namun kini kumpulan itu telah bertukar nama kepada kumpulan Jemaah Kampong. Demikian itu, Pak lomak telah kembali kerahmatullah namun beliau sempat meninggalkan jasa baik dan menabur bakti dalam seni muzik Ghazal sehingga mendapat anugerah dan pengiktirafan kesenian warisan Johor.

Tuntasnya, pernyataan tersebut dapat menjelaskan bahawa setiap kemunculan seni muzik ghazal di Johor ini bukanlah satu yang bersahaja namun seni muzik ini mendapat pengiktirafan menjadi sebuah kesenian warisan di negeri Johor.



4.3. Alat Muzik yang digunakan dalam persembahan Ghazal Johor dan fungsinya.

Secara umumnya, seni muzik Ghazal ini merupakan satu kesenian warisan popular di negeri Johor yang mempunyai elemen bunyian dan nyanyian untuk dijadikan sebagai hiburan. Oleh itu, dalam persembahan Ghazal ini juga terdapat beberapa alat muzik yang digunakan dalam permainan itu agar dapat menarik hati pendengar untuk berhibur bersama. Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapatkan maklumat secara dalam talian bersama beberapa orang informan yang pakar bagi menjawab objektif kajian kedua yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Pada peringkat awal alat muzik yang digunakan dalam persembahan Ghazal Johor ini hanya tabla, syringgi, sitar dan harmonium namun mengikut peredaran masa kini alat muzik Ghazal tersebut telah bertukar kerana pengaruh muzik dan peredaran masa kini dengan menggantikan alat muzik syringgi kepada violin manakala sitar pula telah digantikan kepada gambus.

4.3.1 Gambus



Gambar 4.1: Gambus

Sumber: nesabamedia alat muzik gambus

Pada awal seni muzik ghazal diperkenalkan, alat muzik yang digunakan ketika itu adalah sitar namun mengikut perkembangan pada tahun 1990 an alat muzik ini telah digantikan dengan gambus bagi menyesuaikan dengan alunan ghazal itu serta peredaran masa.

Menurut informan iaitu Dr. Mohd Nizam Attan (temubual 2022) menyatakan bahawa alat muzik gambus ini adalah merujuk kepada sebuah alat muzik yang menyerupai lute berleher pendek serta dipercayai berasal dari Timur Tengah. Gambus ini disebut sebagai komuz, kaboosa, kobuz dan qupuz yang diperbuat daripada sebuah kayu yang tidak mempunyai penyambungannya, tempat meletakkan talinya (pegbox) bengkok ke belakang dan mempunyai beberapa ruang untuk mengikat tali. Sebanyak tiga hingga lima jurai tali boleh diikatkan untuk dimainkan. Alat muzik ini juga dikenali sebagai pandourian di Byzantium dan dipercayai datang dari negara jiran iaitu Persia ketika kedatangan pengaruh Islam ke sana. Namun, gambus Johor yang dihasilkan pula adalah berasaskan gambus Arab atau Qud iaitu alat muzik yang hadir bersama-sama penduduk Arab di Johor. Justeru itu, tokoh yang bertanggungjawab memperkenalkan alat muzik ini di negeri Johor dikenali sebagai Attan Bin Hassan. Beliau merupakan anak kelahiran Johor di daerah Batu Pahat. Selain itu, Attan Hassan juga adalah individu yang bertanggungjawab memperkenalkan kesenian gambus kepada masyarakat tempatan khususnya di daerah Pontian. Menurut beliau lagi, Attan Hassan telah membangunkan kumpulan gambus Nurul Ain pada sekitar tahun 1962 dan membimbing beberapa buah kumpulan gambus di sekitar Benut dan Pontian Kechil. Walau bagaimanapun, menurut informan juga alat muzik gambus dalam ghazal Johor ini adalah menggantikan alat muzik sitar. Dalam persembahan ini gambus berfungsi untuk mengeluarkan melodi bagi menyokong irama dan rentak yang didendangkan.

4.3.2 Harmonium



Gambar 4.2 : Peti Harmonium

Sumber: instruments harmonium

Harmonium merupakan sebuah alat muzik yang kebiasaannya digunakan oleh pemain dalam persembahan ghazal. Oleh itu, dalam ghazal Johor terdapat alat muzik peti harmonium yang berfungsi sebagai melodi bagi mengiringi nyanyian ghazal itu. Melalui temubual yang dilakukan bersama Pak Bakar (temubual 2022), peti harmonium ini dipercayai telah berasal dari Eropah namun telah tersebar ke negara yang lain ketika melalui di India. Menurutnya, alat muzik ini diperkenalkan dan dimainkan di dalam persembahan Ghazal di Johor sejak di awal peringkat dalam sekitar tahun 1990 an lagi. Pada ketika itu, terdapat seorang pelatih askar atau lebih dikenali dengan Pak Lomak yang minat bermain peti harmonium ini sambil menyanyikan lagu berbahasa Hindustan sehingga beliau menubuhkan kumpulan ghazal di Johor itu.

Peti harmonium ini merupakan sejenis yang diperbuat daripada logam tipis sebagai pelidahnya untuk dimainkan dengan mengepam angin ke dalam ruang udaranya. Logam tipis ini adalah sejenis bahan bergetar yang dihasilkan untuk menghasilkan bunyi. Ruang udaranya

pula yang terdapat pada kipas di bahagian harmonium itu. Selain itu, peti harmonium ini tergolong dalam alat muzik yang bersifat aerofon iaitu yang mengeluarkan bunyi melalui udara.

4.3.3 Tabla



Gambar 4.3: Tabla

Sumber: Wikipedia tabla

Menurut Pak Bakar (temubual 2022), alat muzik tabla merupakan sebuah alat muzik yang terawal kemasukannya dalam seni muzik ghazal bersama-sama harmonium. Alat muzik tabla ini juga dipercayai popular dalam masyarakat India yang dikatakan berasal dari gendang Mridangam. Di dalam persembahan ghazal alat muzik ini berfungsi dalam menghasilkan rentak dan tempo. Tabla mempunyai sepasang gendang yang terdiri daripada gendang kecil yang dikenali sebagai gendang Din manakala gendang yang besar pula dikenali sebagai gendang Bam. Seterusnya, pada badan alat muzik ini diperbuat daripada kayu jati, rosewood atau jackwood manakala di permukaan gendang itu pula diperbuat daripada kulit kambing yang ditampal untuk dipukul serta menghasilkan irama yang indah. Alat muzik ini juga

dimainkan dengan diletakkan di hadapan pemain sambil memalu di permukaan gendang dengan menggunakan jari dan tangan. Menurut beliau juga, peralatin muzik ini perlulah dimainkan secara konsisten kerana alat muzik ini juga dapat membantu seseorang melapangkan minda dengan bunyiannya itu.

4.3.4 Violin



Gambar 4.4: Violin

Sumber: museum penang alat muzik biola

Menurut Pak Bakar (temubual 2022), pada awal kemunculan ghazal alat muzik violin masih belum digunakan dalam persembahan ini. Alat muzik ini dimainkan bagi menggantikan alat muzik syarringgi yang sejak dari awal sudah diperkenalkan dalam persembahan ini. Violin ini merupakan salah satu alat muzik bertali yang pertama telah dihasilkan oleh masyarakat Eropah. Namun, alat muzik ini biasanya disebut sebagai biola bagi masyarakat melayu kini tetapi violin ini merupakan alat muzik yang sesuai dimainkan dalam persembahan ghazal ini. Melalui pengetahuan daripada Pak Bakar alat muzik ini dibawa masuk oleh Pak Lomak dalam persembahan ini adalah berikutan daripada peredaran masa. Pada awal kemunculan ghazal lagi alat muzik syarringgi merupakan sebuah alat muzik yang menjadi keutamaan bagi pemain

ghazal ini bagi menyokong nyanyian ghazal agar menjadi lebih menarik. Oleh itu, violin ini merupakan sebuah alat muzik yang termasuk di dalam golongan alat muzik kordofon dimana violin ini mengeluarkan bunyi melalui getaran pada tali yang ditegangkan. Manakala dalam persembahan ghazal ini alat muzik violin berperanan untuk mengeluarkan melodi.

4.3.5 Gitar



Gambar 4.5:Gitar.

Sumber : wordpress alat muzik

Alat muzik gitar merupakan sebuah alat muzik yang mengeluarkan bunyi melalui getaran tali. Gitar ini juga tergolong dalam alat muzik kordofon dimana alat muzik ini mengeluarkan bunyi melalui getaran tali. Menurut Pak Bakar, kemunculan alat muzik gitar dalam persembahan ghazal ini berperanan untuk memberi melodi dan rentak yang lebih merdu disamping mengiringi alat muzik yang lain. Alat muzik gitar diperkenalkan di dalam ghazal ini sejak awal tahu 1990 an kerana mengikut peredaran masa ketika itu. Alat muzik gitar ini juga dipercayai berasal daripada wilayah Persia dan telah dikembangkan kepada bangsa

Yunani. Alat muzik terdapat enam tali untuk dipetik oleh pemain serta mempunyai satu batang leher yang panjang. Kebiasaannya, gitar ini dimainkan secara akustik atau bergantung pada pemainnya yang pakar dalam memainkan gitar elektronik. Namun, pada ketika itu gitar elektronik ini masih belum diperkenalkan dalam persembahan ghazal.

4.3.6 Marakas



Gamabar 4.6: Marakas

Sumber: wordpress

maracas

Melalui hasil temubual yang telah dilakukan bersama Pak Bakar, Pak Bakar juga menyatakan bahawa alat muzik marakas ini juga merupakan sebuah alat muzik yang digunakan dalam persembahan ghazal bagi mengiringi alat muzik yang lain seperti gambus, tabla dan lain- lain. Alat muzik marakas ini berfungsi untuk mengeluarkan tempo di dalam persembahan ghazal. Menurut Pak Bakar alat muzik ini berasal dari Amerika. Alat muzik ini dipercayai diperkenalkan dalam ghazal mengikut peredaran waktu serta bukan alat muzik yang utama

dalam persembahan ini. Secara amnya, marakas ini diperbuat daripada labu kering yang diisi dengan kacang untuk di goncang- goncangkan oleh pemain. Alat muzik ini termasuk dalam



UNIVERSITI


MALAYSIA

KELANTAN


golongan alat muzik ideofon dimana alat muzik ini mengeluarkan bunyi secara fizik.oleh itu, cara permainnya adalah hanya digoncangkan mengikut irama muzik atau nyanyian yang didendangkan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

4.4 Peranan seni muzik Ghazal ini dalam kalangan masyarakat Johor

Secara dasarnya, seni muzik ghazal di Johor ini adalah satu kesenian yang masih wujud serta diketahui oleh segelintir masyarakat namun ghazal ini semakin hari semakin dilupakan dek kerana peredaran masa kini telah diperkenalkan dengan pelbagai hiburan yang lebih menarik untuk menarik minat generasi kini. Melalui temubual yang dijalankan bersama Pak Bakar (2022) ini persembahan Ghazal di Johor amat penting untuk dipersembahkan dan diperkenalkan kepada masyarakat kerana persembahan ini merupakan satu seni muzik yang paling digemari oleh Sultan Johor dengan alunan muzik yang merdu serta digabungkan bersama beberapa alat muzik yang mempunyai fungsi tersendiri. Menurutnya, seni muzik ini mempunyai keunikan sendiri dimana persembahan ini menyampaikan beberapa mesej yang tersurat dan tersirat kepada pendengar. Secara tidak langsung, persembahan ini juga dapat menarik minat generasi akan datang dengan menghimpunkan lagu- lagu yang berkaitan mengikut peredaran masa kini. Sebagai contoh, menghasilkan lagu tentang percintaan, kehidupan dan sebagainya.

Oleh itu, menurut Pak Bakar (2022) persembahan ini masih relevan dan perlu diketengahkan untuk menjadikan satu persembahan yang penting dalam setiap majlis keramaian atau perkhawinan yang dijalankan agar para tetamu yang hadir dapat menghayati dan berhibur dengan setiap lirik dan alunan muzik yang didendangkan oleh para pemain ghazal tersebut. Menurutnya juga, pada awal penubuhan persembahan ghazal di Johor, kebanyakan masyarakat pada waktu itu sangat mementingkan kesenian tersebut sehinggakan setiap majlis yang diadakan seperti majlis perkhawinan akan dihiburkan dengan persembahan ghazal ini. Namun, berbeza pada masa kini masyarakat telah diperkenalkan dengan pelbagai hiburan yang rancak rock. Berdasarkan itu, seni muzik ghazal ini dapat dilestarikan kepada generasi akan datang bagi memartabatkan lagi kesenian warisan yang telah ditubuhkan sejak awal lagi di negeri Johor ini.

Sementara itu, dalam melestarikan ghazal ini Pak Bakar menyatakan bahawa seni muzik ghazal ini hendaklah dieperkenalkan kepada generasi muda dari peringkat awal lagi agar mereka lebih mengenali dan dapat menjadikan ghazal ini sebagai sebuah medan hiburan yang mempunyai banyak nasihat tersurat dan tersirat. Justeru itu, menurut Pak Bakar juga kumpulan-kumpulan ghazal yang ditubuhkan daripada beberapa tempat itu bukan sahaja dapat diikuti oleh golongan dewasa namun golongan remaja juga sangat dialukan kerana dari usia yang muda lagi perlu dibentuk supaya mereka ini tidak menjadi kekok atau buta tentang kesenian warisan ini. Selain itu juga, ini merupakan sebuah proses bagi seseorang dalam memahirkan alat muzik akan mengambil sedikit masa dan dalam masa yang sama dapat memupuk cinta dan minat terhadap tradisi muzik Ghazal Melayu Johor, melentur buluh biar dari rebungunya,

Namun begitu, seni muzik ghazal ini juga dapat menyumbangkan kepada dana pendapatan dengan membuat persembahan di majlis perkahwinan atau majlis keramaian oleh sultan sekaligus dapat menyumbang kepada warisan negeri Johor serta dapat melestarikan lagi warisan ghazal sama ada dalam negeri atau luar negeri Johor.

BAB LIMA

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini telah merumuskan dan membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang diperolehi serta bagi menjawab setiap objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan oleh pengkaji. Perbincangan tersebut merangkumi keseluruhan topik yang dapat dilihat oleh pengkaji dimana terdapat bahagian-bahagian yang telah berhubungkait antara permasalahan kajian, teori dan cadangan yang perlu diketengahkan melalui kajian ini. Melalui perbincangan ini, pengkaji mampu mengulas dengan lebih mendalam supaya dapat merungkaikan segala kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam dapatan kajian.

Kesimpulan daripada bab satu yang dapat disimpulkan melalui kajian ini adalah telah membincangkan tentang latar belakang kajian Ghazal Johor, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji. Permasalahan kajian yang telah dikenalpasti melalui kajian ini bahawa seni muzik Ghazal kini semakin dilupakan dek kerana pada zaman kini banyak teknologi yang canggih telah diperkenalkan namun banyak genre lagu yang mengikut peredaran masa kini telah dihasilkan seperti genre rock, jazz dan k-pop. Hal ini demikian kerana masyarakat pada masa kini tidak diperkenalkan secara meluas serta mereka menganggap seni muzik ini tidak menarik dan mudah bosan apabila mendengarnya. Namun pada itu, seni muzik ini juga tidak diperluaskan kepada generasi yang baru dan menyebabkan kebanyakan di antara mereka masih belum mengetahui tentang seni muzik ini serta tidak dipersembahkan kepada mereka samada secara langsung ataupun tidak langsung. Oleh itu, kepentingan kajian dijalankan adalah untuk memperkenalkan keunikan yang terdapat pada seni muzik ini kepada semua lapisan

masyarakat agar Ghazal Johor ini dapat diangkat semula serta dijadikan sabagai satu warisan Johor.

Manakala kesimpulan bagi bab dua pula membincangkan tentang kajian- kajian lepas yang berkaitan dengan seni muzik Ghazal Johor ini. Ulasan dan pendapat pengkaji berkaitan buku dan kajian terdahulu berkaitan dengan tajuk Seni muzik Ghazal Johor telah dinyatakan dalam bab ini sebagai rujukan kepada pengkaji. Setiap kajian yang berjaya diperolehi oleh pengkaji saling berhubungkait dengan Ghazal Johor. Kajian ini juga mementingkan sorotan kajian yang lepas kerana ianya dijadikan sebagai contoh dan panduan terbaik untuk menghasilkan kajian yang sempurna dari setiap sudut.

Seterusnya, kesimpulan dalam bab tiga ini telah menyatakan mengenai metodologi kajian yang digunakan bagi mengumpul semua data- data yang berkaitan dengan kajian ini di samping berperanan sebagai medium untuk menjawab segala persoalan dan objektif kajian. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif bagi mengukuhkan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Pendekatan kaedah kualitatif yang digunakan ini telah merangkumi temu bual secara atas talian kerana tertangguh dengan pandemic yang berlaku ini. Oleh itu, pengkaji telah membuat temu bual kepada beberapa orang informan yang pakar dalam Ghazal Johor ini. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah rujukan kajian lepas untuk memperolehi maklumat mengenai tajuk kajian ini. Justeru itu, metodologi kajian ini amat penting untuk diletakkan dalam sesuatu kajian kerana berperanan untuk memudahkan pengkaji mendapatkan bahan kajian, sumber rujukan serta maklumat yang berkaitan dengan kajian.

Kesimpulan bagi bab empat pula membincangkan tentang dapatan kajian dan perbincangan yang dilakukan oleh pengkaji untuk memperolehi maklumat hasil temu bual bersama informan. Bab ini juga membincangkan setiap objektif- objektif yang dinyatakan

tentang seni muzik Ghazal Johor. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengetahui kepakaran ilmu informan yang terlibat dalam kajian ini. Oleh itu, data- data yang diperolehi dapat menjadi satu rujukan serta dapat melengkapkan setiap onjektif kajian.

5.2 CADANGAN

Sejajar dengan kajian ini, dalam memastikan seni muzik Ghazal ini diperlihara serta diperkenalkan kepada generasi yang akan datang, terdapat beberapa cadangan yang meliputi aspek kelestarian seni muzik ini bagi memastikan kepentingan yang ada pada warisan ini tidak ditinggalkan dan dilupakan oleh semua lapisan masyarakat Johor dan Melayu.

Pengkaji mencadangkan kepada pihak kerajaan atau pihak warisan negara agar dapat memperkenalkan dan menaikkan lagi warisan seni muzik Ghazal Johor ini kepada generasi akan datang dengan mengadakan pameran atau sebuah persembahan yang terbuka bagi menarik minat golongan para remaja untuk mengikuti dan mengenali sejarah- sejarah tentang seni muzik Ghazal ini. Selain itu, pihak kerajaan juga boleh mengekalkan warisan ini dengan menyarankan kepada pihak pendidikan untuk menyediakan satu kelab atau mata pelajaran wajib tentang warisan ini agar generasi akan datang dapat mengenali seni muzik Ghazal ini daripada peringkat awal untuk diwarisi.

Dari sudut keusahawanan, seni muzik ini juga merupakan satu industri kreatif yang dapat menyumbang kepada dana pendapatan dengan melestarikan persembahan ghazal ini bukan sahaja di negeri Johor malah di seluruh negeri. Lantaran itu, setiap masyarakat berperanan untuk memberi sokongan kepada industri ini bagi mengekalkan kesenian ghazal agar persembahan ini dapat diluaskan dan dipersembahkan secara meluas melalui media massa, majlis perkahwinan atau siaran televisyen. Selaras dengan itu, generasi muda dan akan datang akan sentiasa menjaga nama baik kesenian warisan negeri dan mempunyai kesedaran

terhadap penububuhan ghazal itu. secara tidak langsung mereka dapat membantu dalam menaikkan ekonomi negeri Johor dalam melestarikan seni muzik ghazal.

Akhir kata, dalam mengekalkan seni muzik Ghazal ini pengkaji berharap pihak yang berkaitan dapat mengekalkan kelestarian Ghazal ini kepada semua lapisan masyarakat agar seni muzik ini sentiasa segar di ingatan masyarakat kan datang. Pengkaji juga berharap agar Ghazal Johor ini dapat dipersembahkan selalu di majlis- majlis keramaian oleh masyarakat Johor.

5.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa seni muzik Ghazal Johor ini dapat diperkenalkan secara meluas lagi kepada generasi yang akan datang kerana seni muzik ini mempunyai keunikkan yang luar biasa sehingga dapat memartabatkan warisan di negeri Johor. Selain itu juga, seni muzik Ghazal Johor ini dapat memberikan pengetahuan yang baru serta mendalam kepada individu yang mengenali dan mengikuti setiap persembahan yang diadakan di majlis- majlis keramaian sama ada secara langsung mahupun tidak langsung seperti asal usul Ghazal serta alat muzik yang dimainkan dalam persembahan ini.

Justeru itu, seni muzik ini bukanlah satu kerugian untuk masyarakat mengenalinya kerana Ghazal ini juga merupakan sebuah warisan di negeri Johor yang perlu dimartabatkan oleh generasi kini agar seni muzik ini tidak ditelan arus kemodenan yang semakin rancak menaik pada masa kini. Setiap elemen serta gubahan lirik yang didendangkan dalam Ghazal ini juga memberi seribu makna tersurat dan tersirat kepada individu yang mendengarnya untuk dijadikan sebagai satu nasihat umum. Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini telah mencapai ketiga- tiga objektif kajian. Secara keseluruhannya, maklum balas yang diberikan oleh responden juga dilihat sangat penting untuk dijadikan sebagai rujukan dan tatapan bagi tujuan memartabatkan warisan Ghazal di masa akan datang.

RUJUKAN

- Asri Asri (2015) '*Musik Melayu Ghazal Riau Dalam Kajian Estetika*', Institusi Seni Indonesia, Indonesia, Vol 17. No 1.
- Biz Malay (2018) '*Lokasi Kumpulan Ghazal Sri Warisan Batu Pahat*' Dimuat turun daripada (<https://www.bizmalay.com/en/kumpulan-ghazal-sri-warisan-batu-pahat-07-433-3885>)
- Ekspresi Seni (2015) '*Musik Melayu Ghazal Riau Dalam Kajian Estetika*', Institusi Seni Indonesia, Indonesia Vol 17. No 1.
- Ismail Ahmed (2015) '*Lagu Melayu Asli : Unsur Sinkretisme Dalam Instrumentasi Persembahan*', Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur
- Kamarulzaman Mohamed Karim (2016) '*Inspirasi penciptaan komposisi muzik GhaMuhyi: sebuah karya muzik baharu bersumber dari muzik tradisional ghazal Melayu Johor* Vol 5, No 1, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
- Kumpulan Sri Saujana Ghazal dan Kumpulan Ghazal Remaja Warisan Seni Muar
<https://my412453-kumpulan-sri-saujana-ghazal-dan-kumpulan-ghazal-remaj.contact.page>
- Mariam Rashid (2021) '*Menyemarakkan Seni Ghazal Dalam Kalangan Orang Muda*'.
Klik web DBP
- Norazizah (2020) '*Alat Muzik Gambus Sejarah, Asal Daerah Dan Cara Memainkan*'nya
<https://www.nesabamedia.com/alat-musik-gambus/>
- Noriah Mohamed, Muhammad Haji Salleh, Mahani Musa, Mokhtar Saidin, Ahmad Jelani Halimi,
Mohd Isa Othman, et al (2006) '*Sejarah Awal Pulau Pinang*', Universiti Sains Malaysia,

Pulau Pinang

Salinah Jaafar, Shafa'astussara Silahudin, Rahmah Bujang & Siti Rohaizah Che Mat (n.d)

'Lestari Muzik Johor Sepanjang Zaman', Universiti Malaya. Kuala Lumpur

Utchuah.wordpress (2016) Alat perkusi Maracas

<https://utchuah.wordpress.com/2016/09/01/maracas/>

Zuraidah Abdulllah & Qurratu' Aini Adibah Ahmad Fazil (2010) *'Pembangunan*

Perpustakaan

Digital Warisan Kesenian Muzik Ghazal', Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

